

**TINDAKAN KERAJAAN MENGHILANGKAN IKLIM  
KETAKUTAN OKTOBER LALU – MAHATHIR**

# Pelaburan asing berlipat ganda

UM 17 MAY 1988

**K**UALA LUMPUR 16 Mei —  
Pelaburan asing di Malaysia telah meningkat sekali ganda tahun ini berbanding dengan tahun lalu berikutan kestabilan negara yang pulih semula selepas tindakan kerajaan menghilangkan 'iklim ketakutan' Oktober lalu.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menegaskan demikian berkata, pemulihan tersebut telah membuat ekonomi negara bergerak lebih rancak dan peluang - peluang pekerjaan tercetus dengan lebih banyak. Selain itu, tegasnya, pekebun - pekebun getah dapat menikmati hasil jualan yang lebih tinggi manakala harga barangan keluaran negara juga sudah berada di paras lebih tinggi dan baik.

Perdana Menteri menyeru rakyat memelihara iklim pelaburan yang baik ini supaya ia berterusan dan meminta mereka jangan mengecam sewenang - wengangnya tindakan kerajaan yang telah menyelamatkan suasana dalam negara

**LIHAT MUKA 6**

# PELABURAN ASING BERLIPAT GANDA

MAY 1988

"Iklim ketakutan sudah tidak ada lagi sekarang ini melainkan bagi mereka yang ingin menghasut ke arah perkauman yang ekstrim," katanya dalam perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan melalui RTM malam ini. Beliau berkata, dengan suasana yang wujud sekarang ini, umat Islam di negara ini akan menyambut Hari Raya dengan lebih neriah dan selamat kerana

tidak akan ada Hari Raya yang meriah bagi sesebuah negara yang berada dalam keadaan huru-hara. Menurut Perdana Menteri, keadaan negara selepas Oktober 1987 menjadi tenang berikutan langkah kerajaan mengambil tindakan mengelakkan tercetusnya rusuhan, membatalkan rapat raksasa UMNO dan menangkap orang-orang yang mengeksploitasikan isu-isu sensitif yang

menyebabkan ketegangan antara kaum. Sebelum tindakan itu diambil, ramai ibu bapa takut menghantar anak-anak ke sekolah, Kuala Lumpur pula lengang apabila seorang askar melepaskan tembakan, ramai yang membeli makanan dalam tin kerana bimbang rusuhan dan ramai juga meninggalkan Kuala Lumpur untuk 'menyelamatkan' diri. Beliau berkata, rakyat harus bersyukur kerana kerajaan mampu mengambil tindakan menyelamatkan negara ini kerana tanpa tindakan seperti itu, pemulihan ekonomi negara akan terjejas sekiranya negara dilanda rusuhan kaum. "Kestabilan negara tidak berlaku dengan sendirinya, dalam keadaan negara didiami berbagai kaum, ketidakstabilan lebih mudah wujud dan di merata negara di dunia, penduduk-penduduknya yang berbagai kaum atau penganut agama, rusuhan kerap berlaku," katanya. Perdana Menteri juga berkata, pemulihan ekonomi amat mustahil sekiranya rakyat hanya berputus asa dan menyalahkan pihak lain. Bagi mengekalkan keadaan iklim pelaburan sekarang ini, Perdana Menteri menyeru rakyat supaya jangan terlalu memilih pekerjaan tetapi hendaklah sanggup meneroka jurusan baru untuk meningkatkan kebolehan bukan hanya membuat satu jenis kerja sahaja. "Pekerja-pekerja juga hendaklah mengelakkan diri dari memberi

gambaran bahawa sebagai pekerja, kita mudah memberi masalah kepada majikan di samping jangan menganggap diri telah teraniaya sehingga lupa bahawa sebelum ini, kita menganggur tanpa pekerjaan.

"Ingatlah di waktu kita menganggur dulu, kita berdoa supaya dapat kerja walaupun dengan gaji yang kecil, janganlah setelah bekerja, kita lupa masa menganggur dahulu," katanya lagi.

Sempena Hari Raya ini, Perdana Menteri juga mengajak umat Islam berikrar untuk menghapuskan unsur-unsur yang boleh memecahbelahkan perpaduan ummah dan berikrar berusaha lebih gigih bagi mengukuhkan perpaduan.

Ini adalah kerana, selepas 31 tahun merdeka, terdapat unsur-unsur perpecahan dan perbalahan di kalangan umat Islam di negara ini yang jika tidak dibendung ia boleh menggugat perpaduan ummah. Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan, kestabilan negara bergantung kepada kesanggupan dan kesetiaan pasukan tentera dan polis kerana mereka sanggup menghadapi musuh dan menjaga keamanan termasuk ketika Hari Raya.

Bagaimanapun, beliau gembira kerana pasukan keselamatan tidak dilupakan berikutan penyertaan kaum wanita dari berbagai kaum yang menyiapkan kuih Hari Raya untuk mereka.